

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7 APRIL 2015

# 'Najib perlu peluang sama seperti Dr M'

BH - 7/4/2015

**Ayer Keroh:** Datuk Seri Najib Razak wajar diberi peluang mentadbir dan memimpin negara seperti ketika pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata tempoh lima tahun pertama menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir turut berdepan hentaman dan tekanan pelbagai pihak, termasuk dicabar Tengku Razaleigh Hamzah pada tahun 1987 dalam pemilihan UMNO.

"Namun, Dr Mahathir ber-

jaya mengharunginya dalam tempoh berkenaan (lima tahun pertama) dan meneruskan pemerintahan negara selama 22 tahun selepas itu dengan cemerlang.

"Maka, saya beranggapan Datuk Seri Najib juga perlu diberi peluang sama, terutama dalam masa sukar dan tekanan ekonomi yang tidak menentu ketika ini," katanya selepas perhimpunan bulanan kerajaan negeri, di Seri Negeri, di sini, semalam.

Idris berkata, semua isu

yang dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri itu juga sebenarnya sudah dijawab.

## Duta rayu henti serangan

Di **Jakarta**, Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim, merayu Tun Dr Mahathir Mohamad menghentikan serangan itu kerana ia hanya merugikan negara.

Katanya, bekas Perdana Menteri keempat itu diakui sebagai negarawan dan mendapat penghormatan tinggi, ter-

masuk dalam kalangan rakyat dan pemimpin negara lain.

Bagaimanapun, serangan kini dilihat lebih bersifat peribadi hanya memperlekehkan kedudukan negara, terutama Najib yang dipandang tinggi oleh pemimpin negara lain.

"Oleh itu, serangan Dr Mahathir tidak memberi manfaat kepada Malaysia, terutama apabila serangan itu berasas khabar angin dibawa pembangkang," katanya pada sidang media di Kedutaan Besar Malaysia di sini, semalam.